

15 NOV 2002

Pesara-Bonus

PESARA HANYA DAPAT RM200 BAYARAN ISTIMEWA PENERIMA PENCEN

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Pesara kakitangan awam hanya akan menerima Bayaran Istimewa Penerima Pencen sebanyak RM200 sekaligus, seperti yang telah dipersetujui oleh kerajaan, dan bukannya kenaikan pencen 10 peratus sepertimana yang dilaporkan oleh kebanyakan akhbar arus perdana hari ini.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan hari ini berkata pemberian istimewa itu adalah yang ketiga diberi kerajaan kepada pesara, iaitu selepas pemberian RM100 sebulan untuk enam bulan pada tahun 1999 dan pemberian RM200 sekaligus tahun lalu.

Kenyataan itu dibuat merujuk kepada kesilapan fakta kenyataan Timbalan Menteri Kewangan 1 Datuk Dr Shafie Mohd Salleh pada sidang media di lobi Bangunan Parlimen, semalam.

"Kadar pencen untuk pesara dan penerima pencen sememangnya diselaraskan setiap kali berlakunya pelarasan gaji dalam sektor awam. Ini adalah melalui pemakaian undang-undang yang sedia ada, iaitu Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238) dan undang-undang seumpamanya," kata kenyataan itu.

Ia menyebut bahawa bagi tahun ini sahaja pesara telah diberi penyelarasan pencen sebanyak 10 peratus berkuatkuasa 1 Jan tahun ini dan mulai 1 Nov pula penyelarasan pencen ditambah ekoran pelarasan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Kenyataan itu memberi contoh dalam pelaksanaan SSM, bagi Gred gaji M2 di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dengan mata gaji RM4,686.33, telah diselaraskan kepada RM4,751.33, iaitu penambahan sebanyak RM65.

"Kesannya kepada pesara yang bersara sebelum pelaksanaan SSM ialah pencennya akan diselaraskan mengikut gaji akhir yang bersamaan itu. Ini bererti pencennya akan bertambah sebanyak RM32.50 sekiranya pesara itu mempunyai sekurang-kurangnya 25 tahun perkhidmatan," menurut kenyataan itu.

Rabu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan mengenai pemberian bayaran itu.

Dr Mahathir berkata syarat-syarat terperinci dan kaedah pembayaran akan dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada Persatuan-persatuan Pesara Kerajaan.

Sementara itu, Dr Shafie berkata kerajaan akan menambah bayaran pencen pesara dengan memberi sedikit pengubahsuaian skala gaji terakhir selaras dengan tangga gaji kakitangan perkhidmatan awam pada masa ini.

Katanya tindakan itu adalah sebagai ganjaran kepada mereka memandangkan tiada bonus diberikan kepada golongan pesara.

-- BERNAMA

FA AHH ZB